



1100033046



LI 6 FPE 1 2003



1100033046

Laporan akhir latihan industri di Projek Pembangunan Pertanian
Terengganu Utara (KETARA) / Mahani Nordin.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100033046		

Lihat sebelah

PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN
TERENGGANU UTARA
(KETARA)**

OLEH :

**MAHANI BINTI NORDIN
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi Dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Akhir Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2003

1100033046

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Mahani Binti Nordin mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama : Mahani Binti Nordin

Tarikh : 5 October 2003

Disahkan Oleh :

Penyelia KUSTEM

b / p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

KUSTEM

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Penghargaan	I
Ringkasan Esekutif	ii
Senarai Rajah dan Jadual	iii
Singkatan Perkataan	iv

BAB I: LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Sejarah Ringkas KETARA	3
1.1.2 Kuasa Dan Bidang Kuasa	4
1.1.3 Struktur Organisasi	5
1.1.4 Agensi-agensi Sokongan	7
1.2 Maklumat Organisasi	
1.2.1 Kedudukan Organisasi	8
1.2.2 Ouput Utama Yang Dihasilkan	8
1.2.3 Objektif KETARA	9
1.2.4 Strategi KETARA	10
1.2.5 Piagam Pelanggan	11
1.2.6 Sumber Kewangan	11

1.2.7	Fungsi Dan Peranan Organisasi	13
1.2.8	Fungsi Komponen	14
1.2.9	Pendekatan Yang Digunakan	18
1.3	Aktiviti Organisasi	
1.3.1	Projek Padi 10 Tan MOA Inc	19
1.3.2	Anugrah Hari Peladang	23
1.3.3	Meningkatkan Kecekapan Petani Dan Pegawai	24
1.3.4	Bancian Kos Pengeluaran Padi	25
1.3.5	Pengawalan Perosak Bersepadu Dan Pengembangan	25
1.4	Kemahiran Yang Dipelajari	
1.4.1	Pengurusan Tanaman Padi	27
1.4.2	Pengurusan Air	28
1.4.3	Cara Komunikasi	28
1.4.4	Pengalaman	29
1.4.5	Pengurusan Dalam Organisasi	30
1.4.6	Kemahiran Menggunakan Peralatan	30
1.4.7	Kemahiran Dalam Penggunaan Komputer	31

BAB II : PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1 Mengesan Sistem Yang Ada

2.1.1	Mesin Perakam Waktu	32
2.1.2	Sistem Buku Vot	33
2.1.3	Sistem Kawalan Jauh	34
2.1.4	Sistem Docket	34
2.1.5	Sistem Sispen	35
2.1.6	Sistem Belanjawan Diubahsuai	35
2.1.7	Sistem Penjadualan	36

2.2 Mengenalpasti Masalah Dan Cadangan Penyelesaian

2.1.1	Kekurangan Tenaga Mahir	37
2.1.2	Peruntukan Tidak Mencukupi	37
2.1.3	Penggunaan IT Yang Lemah	38
2.1.4	Masalah Dengan Golongan Sasar	39
2.1.5	Tanah Tidak Subur	40
2.1.6	Masalah Bekalan Air	41
2.1.7	Kekurangan Komputer	42
2.1.8	Masalah Kejenteraan Ladang	43

2.3	Cadangan Penyelesaian	
2.3.1	Kursus Kepada Pekerja	44
2.3.2	Peruntukan Mencukupi	45
2.3.3	Kursus IT	46
2.3.4	Pendekatan Kepada Golongan Sasar	47
2.3.5	Membaikpulih Kesuburan Tanah	47
2.3.6	Bekalan Air Yang Mencukupi	48
2.3.7	Menambahkan Bilangan Komputer	48
2.3.8	Membaikpulih Kejenteraan	49
2.4	Perlaksanaan Cadangan Dan Implikasi	50
2.4	Analisis Ke Atas Organisasi	
2.4.1	Kekuatan	54
2.4.2	Kelemahan	58

BAB III : PENUTUP

Kesimpulan Dan Pengharapan	61
-----------------------------------	-----------

Rujukan

Lampiran

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w. b.t.

Syukur pelatih kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah pelatih menyiapkan laporan industri ini dengan baik.

Pertama sekali pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cik Siti Aisyah bt Saat selaku penyelia latihan industri yang telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada pelatih sehinggalah pelatih dapat menyiapkan laporan ini dengan baik. Tanpa tunjuk ajar daripada beliau mungkin pelatih menghadapi masalah dalam menyiapkan laporan ini dengan baik.

Ucapan ribuan terima kasih ini juga, diberikan kepada penyelia industri di KETARA iaitu En. Rosman b. Yaacob dan kakitangan KETARA yang telah banyak memberikan maklumat dan tunjuk ajar kepada pelatih sepanjang menjalani latihan praktikal di KETARA.

Ucapan ribuan terima kasih ditujukan khas kepada insan teristimewa iaitu kedua ibubapa pelatih yang banyak membantu dalam menyiapkan kajian ini sama ada dari segi kewangan ataupun sokongan moral. Segala pengorbanan kalian akan tetap kukenang sehingga keakhir hayat.

Sekali lagi pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada teman-teman seperjuangan dan kepada semua mereka yang terlibat dalam menjalankan kajian ini, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Jasa dan pengorbanan kalian amat pelatih hargai.

Wassalam.....

RINGKASAN EKSEKUTIF

Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara atau (IADP KETARA) adalah sebuah agensi yang ditubuhkan di Utara Terengganu dengan kerjasama kerajaan negeri Terengganu. Projek yang dilaksanakan adalah meliputi Daerah Besut dan Setiu dengan keluasan 285,736 hektar. Agensi ini terlibat dalam sektor pertanian dengan memberi perkhidmatan perladangan, pembinaan infrastruktur perladangan dan menumpukan pengoperasian terhadap hasil tanaman padi. Penglibatan golongan petani dalam sektor tanaman padi di bawah KETARA ialah seramai 3,274 orang dan bilangan ini dijangka akan meningkat menjelang Rancangan Malaysia kelapan (RM 8) menjadi 5,884 orang keluarga tani. Peningkatan ini adalah disebabkan adanya kesedaran di kalangan masyarakat tentang hasrat kerajaan untuk menambahkan pendapatan kepada golongan petani.

Dalam pengoperasian KETARA, terdapat beberapa masalah yang telah dikenalpasti menjadi halangan utama kepada organisasi KETARA untuk mencapai sasaran pengeluaran hasil padi 10 metrik tan per hektar dalam tempoh lima tahun. Halangan yang wujud menyebabkan berlakunya pengurangan hasil pertanian. Bagi mengatasi masalah ini beberapa pendekatan telah diambil bagi meningkatkan hasil pengeluaran dan memastikan memajukan sektor pertanian ke arah yang lebih produktif selaras dengan perubahan pesat yang sedang berlaku dalam sektor ekonomi pada masa kini.

Hasil daripada Latihan Industri yang dijalankan oleh pelatih selama 12 minggu, terdapat pelbagai pendedahan yang telah diberikan kepada pelatih terutamanya dalam bidang pengurusan. Memandangkan KETARA lebih menumpukan bidang pertanian, maka pendedahan yang diberikan adalah berkaitan dengan pertanian, seperti penanaman padi secara berteknologi, cara perekodan, kawalan serangga perosak, pembinaan saluran bagi tujuan pengairan, kawalan air secara berkomputer dan sebagainya. Selain itu, pelatih juga turut dibawa melawat ke tapak projek yang dilaksanakan di bawah KETARA.

KETARA memainkan peranan penting dalam membuat perubahan kepada masyarakat luar bandar melalui kegiatan pertanian. Kemajuan yang dicapai adalah hasil daripada kerjasama semua pihak yang telah berusaha untuk memajukan sektor pertanian. Kemajuan yang dicapai telah mengubah cara hidup masyarakat ke tahap yang lebih baik.